Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA,
MAHKAMAH TINGGI,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50050 KUALA LUMPUR.

Bil:(14)dlm.JK/MA 38 Jld.III

Tarikh: 2 Februari, 1989

PERPUSTAKAAN MAHKAMAH AGUNG
11 FEB 1989
KUALA LUMPUR

Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen,
Majistret-Majistret
Semenanjung Malaysia

Tuan/Puan,

Pentadbiran Mahkamah-Mahkamah Rendah.

1. Bagi menghindarkan keraguan berkenaan pentadbiran Mahkamah-Mahkamah Rendah di tiap-tiap negeri berbangkit dari Arahan Amalan No. 4 Tahun 1988 dan Surat Bil.(11) Dlm. JK/MA 38 Jilid III bertarikh 16 Disember, 1988 Yang amat Arif Hakim Besar Malaya mengarahkan seperti berikut:-

1.1. Ketua Jabatan.

Ketua Jabatan Mahkamah-Mahkamah Rendah di tiap-tiap Negeri ialah Hakim Mahkamah Sesyen yang terkanan (kemudian daripada ini dipanggil sebagai Hakim Kanan) yang ditempatkan di tiap-tiap ibu negeri. Kesemua Hakim Mahkamah Sesyen yang lain (kemudian daripada ini dipanggil Hakim Litar) dan Majistret-Majistret hendaklah melapor kepadanya apabila memulakan tugas di negeri-negeri berkenaan.

...2/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

1.2. Penyata-Penyata.

Satu salinan penyata bulanan dan lain-lain penyata kecuali Penyata Biru hendaklah dihantar kepada Hakim Kanan.

1.3. Cuti.

(a) Permohonan bercuti oleh kakitangan bawahan di Mahakamah Majistret hendaklah mendapat kelulusan daripada Majistret atau Hakim Litar yang mana adalah pegawai atasan terdekat.

(b) Permohonan bercuti yang tidak melebihi 2 hari oleh Majistret yang bertugas dalam litaran Hakim Mahkamah Litar hendaklah diluluskan oleh Hakim Litar berkenaan. Hakim Mahkamah Tinggi Negeri dan Hakim Kanan hendaklah diberitahu akan perkara ini.

(c) Permohonan bercuti yang melebihi 2 harioleh Majistret hendaklah disokong oleh Hakim Litar dan diluluskan oleh Hakim Kanan.

(d) Permohonan bercuti oleh Hakim Litar hendaklah diluluskan oleh Hakim Kanan. Hakim Mahkamah Tinggi hendaklah diberitahu.

(e) Permohonan bercuti oleh Hakim Kanan hendaklah diluluskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Negeri.

...3/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

(f) Permohonan-permohonan bercuti yang lain yang diperuntukan dalam Perintah Am Bab 'C' hendaklah dipohon kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur untuk kelulusan oleh Y.A.A. Hakim Besar Malaya.

1.4. Majistret/Hakim Mahkamah Sesyen Pengganti.

Hakim Kanan hendaklah mengatur segala urusan yang perlu bagi Majistret-Majistret dan Hakim Litar dalam negeri berkenaan untuk mengambil alih tugas-tugas Majistret- Majistret dan Hakim-Hakim Litar yang bercuti.

1.5. Laporan Nilaian Prestasi Tahunan.

(a) Laporan untuk Majistret-Majistret hendaklah disediakan oleh Hakim Litar sebagai Pegawai Pelapor Pertama dan Hakim Kanan sebagai Pegawai Pelapor Kedua. Laporan tersebut hendaklah dihantar kepada Hakim Mahkamah Tinggi Negeri.

(b) Laporan untuk Hakim Litar hendaklah disediakan oleh Hakim Kanan sebagai Pegawai Pelapor Pertama sebelum dihantar kepada Hakim Mahkamah Tinggi Negeri.

(c) Laporan untuk Hakim Kanan hendaklah disediakan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Negeri.

...4/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

(d) Laporan untuk kakitangan biasa yang lain di mahkamah hendaklah disediakan oleh Majistret atau Hakim Litar yang mana adalah pegawai atasan terdekat sebagai Pelapor Pertama dan Hakim Kanan sebagai Pegawai Pelapor yang Kedua.

1.6. Laporan Nilaian Prestasi Khas.

(a) Laporan untuk Majistret dan Hakim Litar hendaklah disediakan oleh Hakim Kanan sebagai Pegawai Pelapor Pertama sebelum dihantar kepada Hakim Mahkamah Tinggi Negeri.

(b) Laporan untuk Hakim Kanan hendaklah disediakan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Negeri.

(c) Laporan untuk kakitangan biasa yang lain di mahkamah hendaklah disediakan oleh Majistret atau Hakim Litar yang mana adalah pegawai atasan yang terdekat sebagai Pelapor Pertama dan Hakim Kanan sebagai Pelapor Kedua.

1.7. Pemeriksaan Tahunan.

Hakim Kanan hendaklah membuat pemeriksaan secara rasmi sekurang-kurangnya sekali setiap tahun ke setiap Mahkamah Rendah di dalam Negeri itu dan membuat laporan serta syor-syor untuk memperbaiki prestasi mengenainya kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur.

...5/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

1.8. Bangunan-bangunan Mahkamah.

Semua permohonan untuk membaiki atau mana-mana tambahan kepada Bangunan-bangunan Mahkamah, perabot, peralatan dan kelengkapan hendaklah dibuat kepada Hakim Kanan yang akan membuat sokongannya kepada Bahagian Pembangunan Kementerian Kehakiman serta salinan kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur.

1.9. Kakitangan Mahkamah

Semua permintaan untuk menambah kakitangan Mahkamah hendaklah dibuat kepada Hakim Kanan yang akan membuat sokongannya kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur.

1.10. Permohonan Pertukaran.

(a) Semua urusan pertukaran daripada kakitangan biasa hendaklah dihantar melalui Majistret masing-masing yang akan memberi ulasan yang tepat dan munasabah kepada Hakim Kanan di negeri masing-masing.

(b) Permohonan daripada Majistret dikehendaki dihantar melalui Hakim Litar kepada Hakim Kanan dan bagi Hakim Litar pula dikehendaki membuat permohonan melalui Hakim Kanan yang akan mengemukakan permohonan berkenaan kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur dengan memberikan pendapat dan ulasan.

...6/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

Bagi Hakim Kanan pula beliau bolehlah menulis terus kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur. Semua permohonan ini akan dikemukakan kepada Y.A.A. Hakim Besar Malaya untuk mendapat pertimbangannya.

1.11. Hakim-Hakim Litar.

Surat ini mengesahkan tugas-tugas dan tanggungjawab Hakim-Hakim Mahkamah Sosyen seperti yang tertera dalam surat yang bertarikh 16 Disember 1988. Penekanan yang dibuat dalam surat ini ialah dari segi "pelaksanaan" pentadbiran Mahkamah.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(ZAINAL ABIDIN BIN MOHD. WAZIR)
Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur.

s.k.

1) Y.A.A. Ketua Hakim Negara Malaysia.
2) Y.A.A. Hakim Besar Malaya.
3) Y.A.A. Hakim Besar Borneo - untuk makluman.
4) Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung.
5) Y.A. Hakim-Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya.
6) Y.B. Peguam Negara Malaysia.
7) Ketua Pendaftar, Jabatan Kehakiman Malaysia.
8) Ketua Setiausaha, Kementerian Kehakiman.
9) Ketua Polis Negara.
10) Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Semenanjung Malaysia.
11) Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.
12) Pegawai Biro Terjemahan, Mahkamah Agung, Kuala Lumpur.
13) Semua Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Agung/Tinggi Malaya.

...7/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

14) Pengerusi, Majlis Peguam Malaysia.
15) Managing Editor, Malayan Law Journal,
3, Shenton Way # 14-03, Shenton House,
Singapore 0106.
16) Managing Editor, Current Law Journal,
Malaysian Law Publishers,
No. 20, Jalan 1/87E,
Brickfields, K. Lumpur.
17) Perpustakaan, Mahkamah Agung, K. Lumpur.